



**JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN
TAMAN NEGARA (PERHILITAN) SEMENANJUNG MALAYSIA**

KENYATAAN MEDIA

**RESTORAN MAKANAN EKSOTIK DI GEMPUR
DALAM OPERASI BERSEPADU KHAZANAH (OBK) ZON SELATAN,
RAMPASAN BERNILAI RM15,000.00**

1. Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) menerusi Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Tengah dan Pasukan Gerakan Am Batalion 4 telah melaksanakan tindakan penguatkuasaan di bawah Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) Zon Selatan di sekitar Banting Selangor pada 13 Ogos 2026.
2. Hasil operasi tersebut, satu kes berkaitan jenayah hidupan liar telah berjaya dikesan. Tindakan penguatkuasaan berkenaan melibatkan penyitaan bungkusan disyaki bahagian Tenggiling, Kluang, Katak Demam, Musang, Labi-Labi, seunit peti sejuk beku, dan seunit telefon bimbit.

3. Seorang individu wanita berbangsa Cina iaitu pemilik restoran telah ditahan dalam operasi berkenaan dan semua barang yang di sita telah dibawa ke Pejabat Jabatan PERHILITAN untuk siasatan dan tindakan lanjut.
4. Jumlah keseluruhan rampasan dianggarkan bernilai RM15,000.00
5. PERHILITAN akan terus mempergiatkan kerjasama strategik dengan PDRM serta agensi penguatkuasaan berkaitan bagi membanteras jenayah hidupan liar secara bersepadu dan memastikan khazanah biodiversiti negara terus dilindungi.
6. Orang ramai juga diharapkan untuk bersama-sama menyalurkan maklumat berkaitan jenayah hidupan liar. Sebarang aduan boleh disalurkan melalui talian hotline 1-800-88-5151 atau melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) di laman sesawang rasmi www.wildlife.gov.my

**JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN
NEGARA (PERHILITAN) SEMENANJUNG MALAYSIA
18 OGOS 2026**